

KERTAS STATUT 137 TAHUN 2018

MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT / NEGARA MENURUT

STATUT



YAYASAN TUN RAZAK

LAPORAN TAHUNAN DAN
PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

MAKLUMAT YAYASAN TUN RAZAK

AKTA PENUBUHAN

Undang-Undang Malaysia (Akta 178) - Akta Yayasan Tun Razak 1976

TARIKH PENUBUHAN

20 Februari 1976

LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

YABhg. Tun Mohammed Hanif Omar	-	Pengerusi
YABhg. Tun Michael Chen Wing Sum	-	Ahli
YA Bhg. Toh Puan Dato' Seri Dr. Hjh. Aishah Ong	-	Ahli
YM Tunku Tan Sri Dato' Shahriman Tunku Sulaiman	-	Ahli
Y Bhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Bin Ayub	-	Ahli
Y Bhg. Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh	-	Ahli
Y Bhg. Tan Sri G.K. Rama Iyer	-	Ahli
Y Bhg. Tan Sri Dato' V.C. George	-	Ahli
Y Bhg. Dato' Mohd Nordin Idris	-	Ahli
Y Bhg. Dato' Agil Natt	-	Ahli
Y Bhg. Dato' Hasbullah Yusof	-	Ahli
Mohamed Ayaz Ismail	-	Ahli
Abdullah Suhaimin Md. Yunus	-	Ahli (Wakil Perbendaharaan)
Tengku Harith Aziz	-	Setiausaha

PEJABAT

Yayasan Tun Razak
15.01, Level 15, 1 First Avenue
Bandar Utama
47800 Petaling Jaya
Selangor

JURUAUDIT:-

Jabatan Audit Negara Malaysia
Sektor Audit Badan Berkanun Persekutuan
No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62518 Putrajaya

BANK:-

CIMB Bank Berhad
No.6, Jalan Tun Perak
50050 Kuala Lumpur

PERUNDING PERCUAIAN:-

PricewaterhouseCoopers Taxation
Services Sdn. Bhd
Level 10, 1 Sentral
Jalan Travers
Kuala Lumpur Sentral
50706 Kuala Lumpur

PENGURUS DANA:-

AmFunds Management Berhad
Level 10, Bangunan AmBank Group
55 Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur

LATAR BELAKANG YAYASAN TUN RAZAK (YTR)

Yayasan Tun Razak (YTR) telah ditubuhkan pada 20 Februari 1976 di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976 (Akta 178) sebagai penghargaan terhadap jasa-jasa Allahyarham Tun Abdul Razak yang begitu banyak kepada agama, bangsa dan negara.

YTR diurus dan ditadbir oleh sebuah Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak yang mempunyai kuasa dan budibacaranya sendiri untuk menentukan Yayasan berada dalam pengurusan yang baik dan menjalankan aktiviti berdasarkan kepada objektif penubuhannya.

Ahli-ahli Lembaga Yayasan Tun Razak adalah terdiri dari:-

- (a) seorang Pengerusi yang dilantik oleh DYMM Yang Di-Pertuan Agong;
- (b) seorang wakil Perbendaharaan; dan
- (c) tidak lebih daripada lapan belas ahli lain yang dilantik oleh Menteri selepas berunding dengan Pengerusi.

OBJEKTIF

Tujuan Yayasan ditubuhkan adalah untuk:-

- mengelakkan nama baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak;
- mencapai hasrat dan mengekalkan jasa baik Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak;
- menanam dan menggalakkan saling persefahaman antara kumpulan-kumpulan kaum dan manusia;
- menggalakkan keamanan dan persefahaman antara bangsa-bangsa; dan
- memperbaiki standard pelajaran dalam semua lapangan dan untuk meninggikan taraf kehidupan rakyat.

LAPORAN PENGERUSI 2017

Bagi pihak Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak, sukacitanya saya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak (YTR) pada 31 Disember 2017.

LAPORAN KEWANGAN

YTR merupakan Badan Berkanun Persekutuan yang diletakkan dibawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia. YTR tidak menerima peruntukan tahunan kerajaan, namun Kementerian Kewangan sekali sekala memberi sumbangan bagi penganguran aktiviti. Perbelanjaan mengurus dan menjalankan aktiviti-aktiviti dibayai oleh sumber janaan sendiri dan tajaan sektor korporat. Bagi tahun 2017, YTR membayar cukai pendapatan tahunan pada kadar cukai korporat semasa iaitu 24% yang dianggarkan sekitar RM250,000 hingga RM350,000 setahun.

Secara ringkas kedudukan kewangan YTR bagi tahun 2017 berbanding 2016 adalah seperti berikut:-

	2017 (RM)	2016 (RM)
Hasil	4,438,799	3,283,618
Perbelanjaan	1,148,372	1,077,570
Jumlah Aset	72,734,912	67,133,727

Jumlah hasil pendapatan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM4,438,799 berbanding RM3,283,618 pada tahun 2016. Perbelanjaan juga meningkat kepada RM1,148,372 berbanding RM1,077,570 pada tahun sebelumnya berikutan pelaksanaan program dan inisiatif baru serta pertambahan bilangan penerima bantuan persekolahan.

Pendapatan utama YTR dijana melalui pulangan pelaburan wang dan dividend syarikat bersekutu YTR dan KWSP, iaitu YTR Harta Sdn Bhd yang menguruskan penyewaan pejabat di Menara Yayasan Tun Razak, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur. Menara YTR mencatat kadar penghunian melebihi 85% dan kedudukan kewangan YTR Harta Sdn Bhd adalah baik serta mampu mengisyiharkan dividend tahunan yang membanggakan pemegang saham. YTR sekali sekala menerima sumbangan syarikat korporat menerusi tajaan sesuatu program yang dianjurkan.

Saiz dana pelaburan yang bermula dengan RM4 juta kini telah berkembang kepada RM43.7 juta pada akhir tahun 2017. YTR tidak mempunyai anak syarikat atau terlibat dalam bidang perniagaan dan hasil utama adalah melalui sumber dinyatakan di atas. Pelaburan dibuat setelah mendapat kelulusan YB Menteri Kewangan.

AKTIVITI DAN PERKEMBANGAN SEMASA

Bersempena dengan ulang tahun kemerdekaan negara ke-60, YTR amat berbesar hati di atas kesudian DYMM Paduka Seri Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah mencemar duli melancarkan buku '*Tun Razak Foundation – Fulfilling a Legacy*'. Antara lain, buku ini memaparkan aktiviti-aktiviti YTR serta kejayaan yang dicapai individu yang telah mendapat manfaat daripada YTR. Ia turut memuatkan pengalaman peribadi tokoh-tokoh yang rapat dengan Allahyarham Tun Razak dan juga temubual bersama beberapa orang penerima Anugerah Tun Razak. Baginda turut menyampaikan ucaptama di majlis tersebut dengan mengingatkan rakyat tentang perjuangan Tun Abdul Razak dalam hal berkaitan perpaduan kaum dan integriti yang sering diabaikan masyarakat hari ini.

"Tun Abdul Razak, andai kata masih bernafas, pastinya pada hari ini akan kecewa dan ralat melihat empat senario yang sedang berlaku dalam negara. Pertama perpaduan warga. Kedua pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang semakin gagal memenuhi matlamat sekolah sebagai taman asuhan menyatupadukan warga. Ketiga, di peringkat pelaksanaan berlaku pelbagai gelinciran daripada landasan sebenar Dasar Ekonomi Baru dan keempat rasuah dan integriti"

DYMM Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Shangri-La Kuala Lumpur, 29 Ogos 2017

Selain itu, penganjuran aktiviti tahunan berimpak tinggi seperti Program Kepimpinan Tun Razak dan bantuan persekolahan kepada pelajar luar bandar diteruskan, dengan pertambahan bilangan penyertaan golongan sasar. Bilangan penerima bantuan bertambah sebanyak 200 orang setiap tahun. Anugerah Tun Abdul Razak kepada pelajar terbaik universiti yang kini dianugerahkan kepada 2 buah institusi yang amat sinonim dengan Allahyarham Tun iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi MARA mungkin akan diperluaskan kepada universiti-universiti lain.

Setiap tahun kira-kira 70-80 orang Alumni Yayasan Tun Razak telah menamatkan pengajian tinggi di dalam dan luar negara akan memasuki pasaran pekerjaan. Kebanyakannya berkhidmat dengan para penaja pengajian mereka di sektor korporat atau awam, pegawai perubatan di hospital-hospital kerajaan dan sebagainya. Alumni Yayasan Tun Razak turut menganjurkan aktiviti berkaitan bina upaya professional muda dan mahasiswa institusi pengajian tinggi. Ketua-ketua eksekutif syarikat korporat ternama turut serta menyakan inisiatif tersebut. Program-program seumpama ini diharap dapat memberi inspirasi kepada generasi muda.

PENUTUP

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada syarikat-syarikat korporat yang sudi membantu dan pengurus dana yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam menguruskan portfolio pelaburan YTR. Harapan kami agar YTR dapat sedikit sebanyak memberi sumbangan kepada negara, mengikut kemampuannya.

Sekian, terima kasih.



(TUN MOHAMMED HANIF OMAR)



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
YAYASAN TUN RAZAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Yayasan Tun Razak telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 12.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Yayasan Tun Razak pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Yayasan Tun Razak 1976 (Akta 178).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Yayasan Tun Razak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Yayasan Tun Razak tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Yayasan Tun Razak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Yayasan Tun Razak 1976 (Akta 178). Lembaga Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Yayasan Tun Razak adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Yayasan Tun Razak, Lembaga Pemegang Amanah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Yayasan Tun Razak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Yayasan Tun Razak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Yayasan Tun Razak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Yayasan Tun Razak.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pemegang Amanah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pemegang Amanah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Yayasan Tun Razak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Yayasan Tun Razak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Yayasan Tun Razak memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pemegang Amanah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Yayasan Tun Razak 1976 (Akta 178), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Yayasan Tun Razak telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pemegang Amanah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

(RAFTAH BINTI IBRAHIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 OGOS 2018



YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA
PEMEGANG AMANAH**

Kami, TUN MOHAMMED HANIF OMAR dan MOHAMED AYAZ ISMAIL yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAYASAN TUN RAZAK dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pemegang Amanah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan YAYASAN TUN RAZAK pada 31 Disember 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TUN MOHAMMED HANIF OMAR

PENGERUSI
LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN TUN RAZAK

Tarikh : 29 Ogos 2018
KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,



MOHAMED AYAZ ISMAIL

AHLI
LEMBAGA PEMEGANG AMANAH
YAYASAN TUN RAZAK

Tarikh : 29 Ogos 2018
KUALA LUMPUR



YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN YAYASAN TUN RAZAK**

Saya, TENGKU MOHD HARITH TG AB AZIZ, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan YAYASAN TUN RAZAK, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada 29 Ogos 2018



..... PESURUHJAYA SUMPAH

Lot 1.08, Tingkat 1
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel: 019 6680745

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2017**

	<u>NOTA</u>	<u>2017</u> (RM)	<u>2016</u> (RM)	Dinyatakan semula
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	6	6	
Aset Tak Ketara	5	384,000	432,000	
Pelaburan Hartanah	6	1	1	
Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu	7	27,641,265	25,079,013	
Jumlah Aset Bukan Semasa		<u>28,025,272</u>	<u>25,511,020</u>	
ASET SEMASA				
Inventori	8	76,435	227,878	
Penghutang	9	556,316	8,087	
Cukai Tertunda		578,510	649,585	
Pelaburan	10	39,576,878	40,049,245	
Tunai dan Kesetaraan Tunai	11	3,921,501	687,912	
Jumlah Aset Semasa		<u>44,709,640</u>	<u>41,622,707</u>	
Jumlah Aset		<u>72,734,912</u>	<u>67,133,727</u>	
EKUITI				
Rezab Penilaian Semula	12	21,684,191	22,039,670	
Lebihan Pendapatan Terkumpul		49,543,597	44,988,786	
		<u>71,227,788</u>	<u>67,028,456</u>	
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Pendapatan Tertunda – Geran Kerajaan	13	1,501,853	-	
		<u>1,501,853</u>	<u>-</u>	
LIABILITI SEMASA				
Pemutang Pelbagai		5,271	5,271	
Derma Dana Pelaburan		-	100,000	
Jumlah Liabiliti Semasa	14	<u>5,271</u>	<u>105,271</u>	
Jumlah Liabiliti		1,507,124	105,271	
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		<u>72,734,912</u>	<u>67,133,727</u>	

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
PADA 31 DISEMBER 2017**

	<u>NOTA</u>	<u>2017</u> (RM)	<u>2016</u> (RM)
Hasil	15	4,438,799	3,283,618
		<u>4,438,799</u>	<u>3,283,618</u>
Pendapatan Lain :			
(Kerugian) / Keuntungan Tidak Terealisasi dari			
Pasaran Wang		(351,948)	39,833
Keuntungan Nilai Saksama atas Pelaburan Ekuiti		1,520,760	-
Perbelanjaan Kakitangan	16	(232,220)	(302,055)
Perbelanjaan Operasi Yang Lain	17	(916,152)	(775,515)
Susutnilai Peralatan	4	-	(854)
Keuntungan Sebelum Cukai		<u>4,459,239</u>	<u>2,245,027</u>
Cukai	18	(259,907)	(295,437)
Keuntungan Selepas Cukai		<u>4,199,332</u>	<u>1,949,590</u>

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
PADA 31 DISEMBER 2017**

	REZAB PENILAIAN <u>SEMULA</u> RM	LEBIHAN PENDAPATAN <u>TERKUMPUL</u> RM	JUMLAH RM
Baki pada 1 Januari 2016	29,504,720	35,574,146	65,078,866
Pelarasan Tahun Sebelum	(7,109,571)	7,109,571	-
Baki pada 1 Januari 2016, dinyatakan semula	22,395,149	42,683,717	65,078,866
Pelunasan Rezab Penilaian Semula	(355,479)	355,479	-
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	-	1,949,590	1,949,590
Baki pada 31 Disember 2016, dinyatakan semula	22,039,670	44,988,786	67,028,456
Pelunasan Rezab Penilaian Semula	(355,479)	355,479	-
Lebihan Pendapatan Tahun Semasa	-	4,199,332	4,199,332
Baki Pada 31 Disember 2017	<u>21,684,191</u>	<u>49,543,597</u>	<u>71,227,788</u>

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**PENYATA ALIRAN TUNAI
PADA 31 DISEMBER 2017**

	<u>2017</u> (RM)	<u>2016</u> (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Dividen Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	835,869	874,000
Faedah Pelaburan	1,334,476	1,111,780
Keuntungan Jualan Saham Tersiar Harga	542,185	525,176
Dividen Pelaburan Saham Tersiar Harga	237,306	169,338
Dividen Pelaburan Unit Amanah	318,465	452,226
Pendapatan Lain Pelaburan	9,846	52,969
Sewa Peralatan Pejabat	43,810	43,810
Kerugian Pelunasan Bon	(41,204)	(42,480)
Penerimaan Tunai Penghutang	-	10,952
Pembayaran Tunai Deposit Sewa	(2,700)	-
Pembayaran Tunai Membeli Pingat	-	(8,425)
Pembayaran Tunai Kepada Pekerja Dan Perbelanjaan	(953,910)	(993,170)
Pembayaran Tunai Kepada Pembiutang	(5,271)	(4,973)
Perolehan Tunai Dari Operasi	<u>2,318,872</u>	<u>2,191,203</u>
Pembayaran Cukai	(188,832)	(281,310)
Tunai Bersih Diperolehi Dari Aktiviti Operasi	<u>2,130,040</u>	<u>1,909,893</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	(2,562,252)	-
Pengeluaran Tunai Pelaburan	2,520,000	(610,000)
Perolehan Jualan Saham Tersiar Harga	15,117,092	13,310,471
Pembelian Saham Tersiar Harga	(15,978,801)	(13,117,983)
Pelaburan <i>Debt Securities</i>	-	(4,975,893)
Kurangan Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	<u>(903,961)</u>	<u>(5,393,405)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI KEWANGAN		
Derma	7,510	24,991
Geran Kerajaan	2,000,000	-
Lebihan Tunai Bersih Dari Aktiviti Kewangan	<u>2,007,510</u>	<u>24,991</u>
(Pengurangan)/Penambahan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai		
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 1 Januari	3,233,589	(3,458,521)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada 31 Disember	687,912	4,146,433
	<u>3,921,501</u>	<u>687,912</u>

Nota-nota kepada penyata kewangan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata ini.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
PADA 31 DISEMBER 2017**

1. MAKLUMAT AM

1.1. YAYASAN DAN AKTIVITI UTAMA

Yayasan Tun Razak (YTR) ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak (Akta 178) pada 28 Oktober 1976. Objektif penubuhannya adalah untuk mengekal nama baik, mengenang jasa dan meneruskan hasrat YAB Tun Abdul Razak, menggalakkan persefahaman dan keamanan antara kumpulan dan bangsa serta memperbaiki standard pelajaran dan taraf hidup rakyat. Untuk mencapai objektif tersebut, pelbagai aktiviti dilaksanakan antaranya penganugerahan Anugerah Tun Abdul Razak kepada individu atau sesebuah pertubuhan yang telah menyumbang perkhidmatan cemerlang kepada masyarakat, anugerah kepada pelajar terbaik Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Teknologi MARA, Program Kepimpinan Tun Razak bagi pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia, bantuan persekolahan, penerbitan buku serta video biografi Tun Abdul Razak, aktiviti kebajikan dan sebagainya. YTR diberi kuasa untuk menerima, mengumpul dan mengurus dananya sendiri.

1.2. JUMLAH KAKITANGAN

YTR mempunyai 2 orang kakitangan pada akhir tahun kewangan selain daripada Ahli Lembaga Pemegang Amanah.

1.3. ALAMAT BERDAFTAR

Yayasan Tun Razak,
Memorial Tun Abdul Razak,
Jalan Perdana,
50480 Kuala Lumpur.

1.4. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah disahkan oleh Lembaga Pemegang Amanah melalui resolusi pada 29 Ogos 2018.

2. DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan disediakan atas asas harga kos sejarah kecuali seperti yang dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan dengan berpandukan kepada Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai. Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus dan diambil kira dari tarikh pembelian. Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:-

	Setahun
Komputer	20%
Peralatan Pejabat	20%
Perabot dan Perkakas	20%
Pengubahsuaian Pejabat	20%

Hartanah, Loji dan Peralatan yang telah penuh disusutnilai masih ditunjukkan pada nilai buku bersih RM1.00 setiap satu.

2. **DASAR PERAKAUNAN (SAMB’N)**

(c) **Aset Tak Ketara**

Aset tak ketara diperoleh pada awalnya diiktiraf pada kos. Selanjutnya, ia diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Ia dilunaskan dengan memperuntukkan jumlah aset yang boleh dielakkan sepanjang anggaran hayat iaitu selama 10 tahun menggunakan kaedah garis lurus.

(d) **Pelaburan**

Pelaburan selain daripada pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada nilai saksama.

(e) **Inventori**

Inventori dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh laksana bersih. Nilai boleh laksana bersih adalah jangkaan harga jualan pada urusniaga biasa perniagaan, tolak perbelanjaan jualan. Inventori meliputi buku-buku penerbitan dan barang siap. Kos diambil kira berdasarkan kaedah “First in First Out” (FIFO).

(f) **Penghutang**

Penghutang dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang ragu.

(g) **Pembiutang Pelbagai**

Pembiutang pelbagai dinyatakan pada kos.

(h) **Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila ada obligasi dan undang-undang semasa, kesan daripada kejadian lepas, apabila ada kemungkinan aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan sebarang tuntutan daripada ikatan tersebut dan anggaran yang pasti tentang amaun yang boleh diperuntukkan.

(i) **Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, baki dan deposit di dalam bank serta pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(j) **Cukai Pendapatan**

Cukai atas keuntungan atau kerugian pada tahun semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai pendapatan diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai yang dijangka akan dikenakan ke atas pendapatan tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang dikanunkan atau dikanunkan secara substantif pada tarikh kunci kira-kira dan sebarang pelarasian ke atas cukai yang dijangka akan dikenakan berhubung dengan tahun-tahun lepas. Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata kewangan.

Liabiliti cukai tertunda adalah diiktiraf untuk kesemua perbezaan sementara cukai kecuali yang terhasil daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti di dalam transaksi yang mana pada masa transaksi tersebut, tidak akan meninggalkan kesan ke atas keuntungan perakaunan atau keuntungan bercukai.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

2. DASAR PERAKAUNAN (SAMB'N)

(k) **Perbelanjaan Kakitangan**

Faedah jangka pendek

Gaji dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkenaan diberi oleh kakitangan. Faedah bukan kewangan seperti penjagaan kesihatan dan perbelanjaan kakitangan yang lain dikenakan ke dalam penyata pendapatan pada bila-bila masa.

Rancangan sumbangan yang ditetapkan

Undang-undang Malaysia mewajibkan syarikat membuat caruman KWSP. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dalam tahun kewangan berkaitan. Sumbangan Yayasan kepada pelan yang ditetapkan dicaj kepada penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh berkaitan dengannya. Sebaik sumbangan dibayar, Yayasan tidak mempunyai obligasi pembayaran selanjutnya.

(l) **Hasil**

Pendapatan faedah, dividen dan lain-lain

Pendapatan YTR adalah daripada dividen syarikat bersekutu, faedah pelaburan, keuntungan jualan dan dividen saham tersiar harga, dividen unit amanah, pendapatan lain dari pelaburan, derma dan sewa peralatan pejabat. Pendapatan diambilkira berdasarkan kaedah akruan.

3. RISIKO-RISIKO PENGURUSAN KEWANGAN

(a) **Risiko kecairan dan aliran tunai**

YTR sentiasa memastikan aktivitinya dijalankan pada tahap kecairan yang optima pada setiap masa agar cukup untuk menampung aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaannya. Oleh itu, polisi ini adalah untuk memastikan operasi dan aktivitinya melalui pengurusan modal kerja yang cekap, akan berupaya untuk menukar aset-aset semasa kepada tunai untuk memenuhi segala permintaan bayaran dan pada masa yang ditetapkan. YTR juga akan berusaha menetapkan tahap kawalan kredit sentiasa berada dalam kemampuan untuk memenuhi keperluan kecairan di samping memastikan pengurusan modal kerja yang cekap.

(b) **Risiko pasaran**

YTR adalah terdedah kepada risiko pasaran yang terutamanya terdiri daripada perubahan di dalam harga pasaran pelaburan ekuitinya. Risiko kerugian adalah diminimumkan melalui analisa yang menyeluruh sebelum sebarang pelaburan dilakukan dan pengawasan yang berterusan ke atas pencapaian pelaburan tersebut. YTR mengoptimakan keuntungan pelaburannya melalui penjualan dan pelupusan pelaburan selepas melakukan analisa yang menyeluruh.

(c) **Risiko kadar faedah**

YTR adalah terdedah kepada risiko kadar faedah iaitu risiko di mana nilai instrumen kewangan akan turun naik hasil daripada perubahan di dalam kadar faedah pasaran.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kos	Komputer RM	Peralatan Pejabat RM	Perabot dan Perkakas RM	Pengubah- suaian RM	Jumlah RM
Baki awal pada 01.01.2017	19,952	22,127	177,664	322,908	542,651
Baki akhir 31.12.2017	19,952	22,127	177,664	322,908	542,651
Peratusan Susutnilai Terkumpul					
Baki awal pada 01.01.2017	19,951	22,124	177,663	322,907	542,645
Baki akhir 31.12.2017	19,951	22,124	177,663	322,907	542,645
Nilai Buku Bersih Pada 01.01.2017	1	3	1	1	6
Nilai Buku Bersih Pada 31.12.2017	1	3	1	1	6

5. ASET TAK KETARA

Kos	MANUSKRIP	
	2017 RM	2016 RM
Baki Awal Pada 01.01.2017	480,000	-
Penambahan	-	480,000
Pelupusan	-	-
Baki Pada 31.12.2017	480,000	480,000
 Pelunasan Terkumpul		
Baki Pada 01.01.2017	48,000	-
Penambahan	48,000	48,000
Pelupusan	-	-
Baki Pada 31.12.2017	96,000	48,000
 Nilai Bersih Pada 01.01.2017	432,000	-
Nilai Bersih Pada 31.12.2017	384,000	432,000

Aset tidak ketara adalah manuskrip dan hakcipta penulisan buku Tun Abdul Razak Negarawan dan Patriot. Baki tempoh pelunasan adalah 8 tahun.

6. PELABURAN HARTANAH

Pelaburan harta tanah merujuk kepada sebidang tanah pegangan pajak selama 99 tahun yang didermakan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 1979. Pada 1 Disember 1995, YTR telah menandatangani satu perjanjian usahasama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membangunkan tanah berkenaan dengan membina sebuah bangunan pejabat. Mengikut perjanjian usahasama, YTR dikehendaki memajakkan baki tempoh pajakan ke atas tanah berkenaan kepada syarikat usahasama dengan imbalan pajakan sebanyak RM1.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

7. PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Kos	27,641,265	25,079,013

Syarikat ini ditubuhkan di Malaysia sepetimana berikut:-

<u>Nama Syarikat</u>	<u>Efektif Pegangan Ekuiti</u>		<u>Aktiviti Utama</u>
	<u>2017</u>	<u>2016</u>	
YTR Harta Sdn. Bhd.	20%	19%	Pelaburan Hartanah

Jika piawaian ekuiti perakaunan digunakan, nilai pelaburan di bawah kehadapan adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Kos saham tidak tersiar harga	25,079,013	25,079,013
Ditambah : Penambahan Nilai Pelaburan	2,562,252	-
	<u>27,641,265</u>	<u>25,079,013</u>

8. INVENTORI

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Buku "Tun Razak: Profile of a Patriot"	-	202,356
Buku "Tun Abdul Razak: A Personal Portrait"	-	20,467
Buku "Fulfilling A Legacy"	74,750	-
Pingat	1,685	5,055
	<u>76,435</u>	<u>227,878</u>

9. PENGHUTANG

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Dividen Belum Terima	500,000	-
Derma Belum Terima	52,389	-
Baki dari Ejen Jualan Buku	1,227	1,227
Deposit Sewa Pejabat	2,700	6,860
	<u>556,316</u>	<u>8,087</u>

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

10. PELABURAN

	2017 RM	2016 RM
Pelaburan <i>Debt Securities</i>	30,941,222	33,467,904
Pelaburan Tersiar Harga	8,635,656	6,581,341
	39,576,878	40,049,245

Pelaburan dalam pasaran wang dibuat atas kebenaran YB Menteri Kewangan dan diurus oleh bank pelaburan. Pelaburan *Debt Securities* terdiri daripada Bon Korporat, Unit Amanah dan *Fixed Income*. Pelaburan tersiar harga adalah saham-saham yang berstatus *Trustee Stocks* di Bursa Malaysia.

11. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2017 RM	2016 RM
Tunai di Tangan	259	140
Tunai di Bank	3,921,242	687,772
	3,921,501	687,912

12. REZAB PENILAIAN SEMULA

Tanah pegangan pajak dinyatakan mengikut perjanjian usahasama di antara Yayasan Tun Razak dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bertarikh 01 Disember 1995 dengan kadar RM430.00 bagi satu kaki persegi.

13. PENDAPATAN TERTUNDA – GERAN KERAJAAN

Geran Kerajaan merupakan peruntukan kewangan yang diterima daripada Kementerian Kewangan pada tahun 2017 bagi menjayakan program dan aktiviti YTR. Perbelanjaan aktiviti dalam sesuatu tahun kewangan dilunaskan dalam tahun tersebut.

	2017 RM	2016 RM
Pada awal tahun kewangan	-	-
Geran diterima dalam tahun kewangan	2,000,000	-
	2,000,000	-
Pendapatan tertunda dikeluarkan untuk untung atau rugi	(498,147)	-
Anugerah Pelajar Terbaik UKM dan UiTM	(13,370)	-
Program Kepimpinan Tun Razak	(203,808)	-
Bantuan Kewangan Pelajar dan Program		
Tanggungjawab Sosial	(117,300)	
Projek Penulisan Buku	(74,750)	
Majlis Syarahan dan Pelancaran Buku	(88,919)	
Pada akhir tahun kewangan	1,501,853	-

14. DERMA DANA PELABURAN

Dana ini merupakan derma khas yang diterima untuk meningkatkan pegangan ekuiti dalam Syarikat YTR Harta Sdn. Bhd. sepermulaan dipersetujui oleh YTR dan KWSP. Dana pelaburan ini telah dilunaskan dalam tahun kewangan semasa setelah YTR membeli ekuiti daripada KWSP sebanyak 1%.

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

15. HASIL

	2017 RM	2016 RM
Pendapatan Dividen Pelaburan Dalam Syarikat Bersekutu	1,335,869	874,000
Pendapatan Faedah Pelaburan	1,334,476	1,111,780
Keuntungan Jualan Saham Tersiar Harga	542,185	525,176
Pendapatan Dividen Pelaburan Saham Tersiar Harga	237,306	169,338
Pendapatan Dividen Pelaburan Unit Amanah	318,465	452,226
Pendapatan Lain Pelaburan	9,846	52,969
Derma	59,899	96,799
Geran Kerajaan	498,147	-
Pendapatan Sewa Peralatan Pejabat	43,810	43,810
Pelunasan Dana Pelaburan	100,000	-
Kerugian Pelunasan Bon	(41,204)	(42,480)
	4,438,799	3,283,618

16. PERBELANJAAN KAKITANGAN

	2017 RM	2016 RM
Gaji dan Bonus	195,748	252,631
Caruman KWSP	29,096	38,427
Insurans Kakitangan	6,768	9,680
Perubatan Kakitangan	608	1,317
	232,220	302,055

17. PERBELANJAAN OPERASI YANG LAIN

	2017 RM	2016 RM
Anugerah Pelajar Terbaik UKM dan UiTM	13,370	13,370
Program Kepimpinan Tun Razak	203,808	236,125
Bantuan Kewangan Pelajar dan Program Tanggungjawab Sosial	117,300	155,088
Projek Penulisan Buku	-	75,000
Majlis Syarahan dan Pelancaran Buku	88,919	-
Derma	4,000	4,000
Program Latihan Alumni YTR	-	18,471
Elaun Pengurus dan Ahli Lembaga	58,000	74,202
Perbelanjaan Mesyuarat dan Kursus	6,181	10,581
Fi Pengurus Dana	52,389	71,808
Caj Bank	55	54
Percetakan dan Alatulis	3,412	3,090
Bayaran Audit - Tahun Semasa	5,271	5,271
- Terkurang Nyata Tahun Terdahulu	-	298
Bayaran Professional	13,250	12,700
Pengangkutan dan Perjalanan	6,280	4,836
Pelbagai	-	2,042
Telefon dan Internet	1,739	2,761
Pos	62	3,781
Selenggara Peralatan Pejabat	-	650
Kos Buku Dihapuskira	222,823	6,107
Sewa Pejabat dan Stor	22,332	16,960
Perbelanjaan Cukai Barang dan Perkhidmatan	15,961	10,320
Pelunasan Aset Tak Ketara	48,000	48,000
Bayaran Gratuiti Pekerja	33,000	-
	916,152	775,515

YAYASAN TUN RAZAK
(Ditubuhkan di bawah Akta Yayasan Tun Razak 1976)

18. **CUKAI**

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Peruntukan Cukai Tahun Semasa	334,792	258,831
Peruntukan (Terlebih)/Terkurang Nyata di Tahun Sebelumnya	(74,885)	36,606
	<u>259,907</u>	<u>295,437</u>

Penyata penyesuaian cukai yang dikenakan ke atas keuntungan sebelum cukai pendapatan cukai berkanun dengan perbelanjaan cukai pada kadar cukai berkesan YTR adalah seperti berikut:-

	<u>2017</u> RM	<u>2016</u> RM
Keuntungan Sebelum Cukai	4,459,239	2,245,027
Cukai Pada Kadar Cukai Berkanun Malaysia (24%) (2016 - 24%)	1,070,217	538,806
Penggunaan Elaun Modal dan Kerugian Diiktiraf Sebelumnya (Terlebih)/Terkurang Nyata Peruntukan	-	(271,359)
Kesan Cukai Pada Perbelanjaan Tidak Ditolak	(74,885)	36,606
Pendapatan Tidak Dikenakan Cukai	229,469	(8,616)
	<u>(964,894)</u>	<u>-</u>
	<u>259,907</u>	<u>295,437</u>